



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### **TERAJU LONJAKKAN RANTAIAN BEKALAN BUMIPUTERA MELALUI KOLABORASI BERNILAI RM200 JUTA**

---

KUALA LUMPUR, 26 Ogos 2021 – TERAJU selaku penyelaras utama dan pemboleh cara strategik Agenda Bumiputera telah menandatangani perjanjian kerjasama dua pihak hari ini bersama Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) di bawah Program Pembiayaan Dana Rantaian Bekalan Bumiputera (BSC).

Objektif utama kolaborasi ini adalah untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam bidang ekonomi yang menghasilkan produk dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi dan di sepanjang rantaian bekalan merangkumi sektor borong & runcit, penjagaan kesihatan dan logistik.

TERAJU diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Md Silmi Abd Rahman sementara SME Bank diwakili oleh Aria Putera Ismail, Presiden Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank dan Bank Muamalat, Ketua Pegawai Eksekutif, Khairul Kamarudin. Kerjasama ini juga dapat dilihat sebagai salah satu inisiatif tambahan bagi pemulihan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Bumiputera yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Dengan berpaksikan pada aktiviti pertumbuhan ekonomi utama (KEGA) di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), pembangunan ekosistem Bumiputera secara holistik dan mampan dapat digerakkan melalui kolaborasi strategik ini.

Usahasama TERAJU bersama SME Bank melalui Program Pembiayaan Dana Rantaian Bekalan Bumiputera dalam Sektor Borong & Runcit adalah kesinambungan kepada program dana TERAS sejak 2012 yang bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan



JABATAN PERDANA MENTERI

kepada (PKS) Bumiputera di dalam keseluruhan rantaian bekalan bagi Sektor Borong & Runcit yang merangkumi pengilang, pengeluar, pemborong, pengedar, peruncit seterusnya pembekal perkhidmatan termasuklah logistik.

Sementara itu, kolaborasi TERAJU bersama Bank Muamalat merupakan Program Pembiayaan Rantaian Bekalan Bumiputera dalam Sektor Penjagaan Kesihatan merangkumi produk dan perkhidmatan. Fokus utama adalah mencari penyelesaian untuk menangani isu-isu utama dan cabaran yang dihadapi oleh PKS Bumiputera di sepanjang rantaian bekalan ini terutamanya bagi perolehan bekalan pada harga yang berpatutan.

Kedua-dua kolaborasi strategik bersama SME Bank dan Bank Muamalat ini bakal mewujudkan dana pembiayaan keseluruhan berjumlah RM200 juta di mana RM100 juta untuk Sektor Borong & Runcit manakala RM100 juta lagi adalah untuk Sektor Penjagaan Kesihatan sebagai pembiayaan modal kerja dan pembelian aset perniagaan.

Md Silmi Abd Rahman berkata “ Kesemua sektor fokus di bawah program hari ini adalah sektor “ekonomi pandemik” yang sangat berpotensi dan relevan untuk diceburi oleh Bumiputera. Pembiayaan ini juga merangkumi bidang logistik di dalam Sektor Borong & Runcit dan Penjagaan Kesihatan, di mana penyertaan kaum Bumiputera masih rendah. Industri logistik sedia ada menyumbang 22 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan penyertaan 40,000 syarikat, namun hanya 5,000 syarikat atau 12.5 peratus adalah milik Bumiputera. Adalah satu kerugian jika bidang yang berdaya-saing ini tidak dapat disertai kaum Bumiputera di atas sebabkekangan aliran tunai dan sebagainya. Justeru itu, fokus dan aspirasi besar TERAJU selaku penyelaras utama agenda pemerkasaan Bumiputera adalah untuk meningkatkan penglibatan syarikat-syarikat PKS melalui program pembiayaan seperti ini demi mencapai sasaran RM15.9 bilion Lebihan Operasi Kasar (Gross Operating Surplus) Bumiputera dalam bidang logistik menjelang tahun 2030.

Menurut laporan Jabatan Statistik Malaysia, sektor Borong & Runcit mencatatkan rekod jualan perdagangan sebanyak RM111.7 bilion pada bulan Januari 2021, diikuti dengan



JABATAN PERDANA MENTERI

penurunan pada RM92.2 bilion pada bulan Jun 2021. Sektor ini telah menunjukkan penguncutan sebanyak 10.3 peratus disebabkan situasi pandemik yang melanda dunia. Kesan pandemik ini walaubagaimanapun, telah membolehkan Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 24.9 peratus eksport peralatan perubatan bernilai RM30 bilion pada tahun 2020 berbanding RM20 bilion pada tahun 2019. Di antara produk utama eksport ini adalah sarung tangan getah, picagari, radas dan peralatan pemantauan elektronik. Malaysia juga mempunyai kekuatan sebagai destinasi pelancongan kesihatan di rantau ini. Pada tahun 2019, statistik mencatatkan ketibaan seramai 1.3 juta pelancong kesihatan antarabangsa dengan jumlah bil hospital mencecah RM1.7 bilion. Sebilangan besar pelancong kesihatan adalah berasal daripada Indonesia, China, India, Bangladesh, Jepun, United Kingdom, Filipina, Australia, Singapura dan Amerika Syarikat. Prosedur perubatan yang mempunyai permintaan tertinggi di negara ini adalah kardiologi, rawatan kesuburan, onkologi, ortopedik, pemeriksaan kesihatan umum, estetika, pergigian dan neurologi.”

Aria Putera Ismail, Presiden Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank berkata “Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan yang telah diberi mandat untuk membangunkan sektor PKS negara, penting untuk SME Bank memastikan kelangsungan dan kemampanan usahawan PKS untuk terus beroperasi terutamanya pada waktu sukar ini. Kerjasama dengan TERAJU sejak tahun 2012 melalui program pembiayaan seperti Skim Pembiayaan TERAS, *Subordinated Financing Program* dan *Bumiputera SME Equity Financing* telah membolehkan SME Bank meluluskan pembiayaan keseluruhan sebanyak RM1.03 bilion kepada 215 orang usahawan PKS Bumiputera. Bagi program pembangunan usahawan pula, SME Bank melalui Program Best Exporters telah membimbang 73 buah syarikat Bumiputera dan mencapai peningkatan hasil eksport sebanyak lebih RM141 juta dan 19 buah syarikat pengeksport telah berjaya dilahirkan. Dengan adanya kerjasama untuk BSC, SME Bank akan terus komited untuk menawarkan kemudahan pembiayaan yang lengkap dan memenuhi keperluan pembangunan PKS Bumiputera.”

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin, “Kerjasama strategik bersama TERAJU merupakan program pembiayaan tambahan selain yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) bagi membantu Perusahaan Kecil dan



Sederhana (“PKS”) Bumiputera terutamanya dalam rantaian bekalan sektor Penjagaan Kesihatan (“BSC Healthcare”) yang terjejas akibat pandemik COVID-19”.

“Sebanyak RM100 Juta telah diperuntukkan oleh Bank Muamalat bagi PKS Bumiputera yang layak dalam menikmati kemudahan pembiayaan modal kerja dan pembelian aset (tidak termasuk harta tanah) untuk memulihkan dan menggiatkan semula aktiviti perniagaan,” kata Khairul.

Adalah diharapkan dengan usaha dan kerjasama seperti ini, isu-isu serta cabaran dan persaingan dalam rantaian bekalan yang dihadapi oleh Bumiputera pasca pandemik Covid-19 dapat dikurangkan. Program pembiayaan ini juga dilihat, dapat meningkatkan kapasiti PKS Bumiputera, dalam memberikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Sekurang-kurangnya 30 syarikat Bumiputera disasarkan untuk mendapat manfaat dengan kesan peningkatan jualan atau keuntungan sebanyak 10% sepanjang pelaksanaan program ini.

## #TAMAT#

### Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, usahawan Bumiputera boleh menghubungi:

Unit Komunikasi Korporat, TERAJU  
[siti.rozalina@teraju.gov.my](mailto:siti.rozalina@teraju.gov.my) | 6019 238 4262  
[soffian@teraju.gov.my](mailto:soffian@teraju.gov.my) | 6012 855 6125  
[nurulhidayah@teraju.gov.my](mailto:nurulhidayah@teraju.gov.my) | 6013 369 5159

### MENGENAI TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai organisasi strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.



Kini, fungsi TERAJU telah diperluaskan sebagai penyelaras utama Agenda sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). TERAJU berperanan menggalakan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik yang berimpak tinggi ke arah menghasilkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

TERAJU turut dipertanggungjawabkan memacu aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial dan kelestarian bagi menghasilkan persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.

### **MENGENAI SME BANK**

SME Bank, yang ditubuhkan pada tahun 2005 merupakan sebuah agensi yang berada di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Kami ingin menjadi peneraju Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) dengan memberikan perkhidmatan terbaik yang melangkaui konsep pembiayaan kepada sektor PKS.

Sejajar dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030, SME Bank mempunyai matlamat untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui inisiatif berimpak tinggi seperti penggunaan teknologi digital dan Revolusi Industri (IR 4.0). Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari: [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my)

Untuk Maklumat lanjut sila hubungi:

Abdul Latiff bin Puteh, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan SME Bank  
[abdul.latiff@smebank.com.my](mailto:abdul.latiff@smebank.com.my) | 019-9112826 | 03-2615 2954

### **MENGENAI BANK MUAMALAT**

Bank Muamalat adalah sebuah insitusi kewangan Islam yang telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1999, dan dikawal selia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). Sebagai sebuah institusi kewangan Islam sepenuhnya, Bank Muamalat menawarkan pelbagai perkhidmatan yang memenuhi keperluan kedua-dua pihak iaitu individu dan institusi. Secara umum, Bank Muamalat menyediakan



JABATAN PERDANA MENTERI

perkhidmatan kepada pelanggan individu seperti akaun deposit, pengurusan aset, pembiayaan kenderaan, pembiayaan rumah dan juga pembiayaan peribadi. Bank Muamalat juga menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kepada pelanggan insitusi dan korporat, daripada khidmat pengurusan tunai, penyelesaian pembayaran, kewangan perdagangan dan eksport antarabangsa, pertukaran asing, pembiayaan, dan urusniaga pasaran modal.

Bank Muamalat mempunyai 67 buah cawangan, selain mempunyai kemudahan perbankan internet iaitu i-Muamalat, serta emuamalat yang merujuk kepada rangkaian ATM, CDM, dan CICO yang boleh didapati di hampir 141 lokasi seluruh negara. Kami juga turut menyediakan perbankan internet korporat mengikut keselesaan anda. Bank Muamalat merupakan ahli Kumpulan DRB-HICOM Berhad di mana ia memiliki 70% saham Bank dengan baki kepentingan dipegang oleh Khazanah Nasional Berhad, sebuah cabang pelaburan negara. Bank Muamalat telah diterima secara rasmi sebagai ahli GABV pada 15 November 2017. Bank Muamalat ialah bank Islam pertama di dunia dan yang pertama di rantau Asia Tenggara menjadi ahli Global Alliance for Banking in Values (GABV).

Untuk Maklumat lanjut sila hubungi  
[mathini.raman@muamalat.com.my](mailto:mathini.raman@muamalat.com.my) | 013 2151922